



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 4479

MEA.S.12-12/2/1 (5)

16 April 2019

Semua Ketua Perkhidmatan Persekutuan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

PENYEDIAAN PELAN PEMBANGUNAN PASCA 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) sebagai urus setia, akan memulakan penyediaan pelan pembangunan pasca 2020, termasuk Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), yang dijangka akan dibentang di Parlimen pada separuh kedua tahun 2020.

3. Wawasan 2020 yang merupakan pelan hala tuju pembangunan jangka panjang akan berakhir pada penghujung tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Sebagai kesinambungan, sebuah dasar sosioekonomi jangka panjang pasca 2020 akan dirangka bagi memastikan pembangunan negara yang lebih inklusif dan bermakna, selari dengan pembentukan masyarakat yang makmur.

4. Untuk makluman, tema dasar pembangunan jangka panjang pasca 2020 ke arah Malaysia makmur akan merangkumi konsep kemakmuran bersama (*shared prosperity*) yang berlandaskan tiga dimensi, iaitu ekonomi, alam sekitar serta sosial dan keterangkuman (*inclusivity*). Dimensi ekonomi akan merangkumi elemen pembangunan antara lain, Revolusi Perindustrian 4.0, ekonomi digital, industri

aeroangkasa, ketersambungan infrastruktur dan pembangunan wilayah yang bersepadu. Dimensi alam sekitar pula akan mengambil kira antara lain, ekonomi biru, teknologi hijau, tenaga boleh baharu serta adaptasi dan mitigasi iklim. Manakala dimensi sosial dan keterangkuman akan meliputi peningkatan kuasa beli rakyat, pembentukan masyarakat Bumiputera yang berdaya tahan dan pengukuhan jaringan keselamatan sosial.

5. Bagi melaksanakan fasa pertama pelan pembangunan jangka panjang pasca 2020, RMKe-12 akan dirangka dengan penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan, termasuk kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan/negeri, pihak swasta, badan antarabangsa, akademia, pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan. Bagi tujuan ini, Mesyuarat Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) dan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) akan diadakan untuk mengenal pasti isu, dasar, strategi dan program di bawah RMKe-12 berdasarkan kepada dimensi ekonomi, alam sekitar serta sosial dan keterangkuman.

6. IAPG akan dipengerusikan oleh MEA sementara keanggotaan IAPG di peringkat Kementerian dan Jabatan hendaklah diwakili sekurang-kurangnya oleh pegawai di peringkat Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan di Kementerian/Jabatan masing-masing yang boleh menyumbang kepada pembentukan dasar dan strategi. Mesyuarat IAPG dan TWG ini akan bermula pada bulan April 2019 dan berlangsung selama sekurang-kurangnya enam bulan. Senarai cadangan IAPG dan TWG adalah seperti di Lampiran 2.

7. Sehubungan itu, semua Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah diminta memberi keutamaan dan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan penyediaan RMKe-12. Garis panduan yang lebih terperinci akan diedarkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR)

LAMPIRAN 2

SENARAI CADANGAN IAPG DAN TWG

13 Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG)		47 Kumpulan Kerja Teknikal (TWG)	Bil. TWG mengikut IAPG
1.	Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Agromakanan • Industri Komoditi 	2
2.	Pembuatan, Sains, Teknologi, Inovasi dan SME	<ul style="list-style-type: none"> • Pembuatan • Sains, Teknologi dan Inovasi • Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 	3
3.	Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan dan Kebudayaan • Penjagaan Kesihatan Swasta • Perdagangan Pengedaran • Industri Pembinaan • Perkhidmatan Profesional • Pendidikan Swasta • Industri Halal • Industri Kreatif • Perkhidmatan Kewangan 	9
4.	Pengangkutan dan Logistik	<ul style="list-style-type: none"> • Mobiliti Manusia • Pergerakan Barangan yang Lancar 	2
5.	Ekonomi Digital	<ul style="list-style-type: none"> • Industri Digital • Infrastruktur Digital • Keterangkuman Digital 	3
6.	Alam Sekitar dan Sumber Asli	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Risiko Bencana • Pengurusan Sumber Asli • Penggunaan dan Pengeluaran Mampan • Jaminan dan Keselamatan Makanan • Transformasi Sektor Air 	5
7.	Tenaga	<ul style="list-style-type: none"> • Tenaga Konvensional • Tenaga Lestari 	2
8.	Keseimbangan Wilayah	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Wilayah • Pembangunan Luar Bandar • Kerjasama Antarabangsa 	3
9.	Pembangunan Modal Insan	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan • Pendidikan Tinggi • Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) • Pasaran Buruh 	4
10.	Kesejahteraan Rakyat	<ul style="list-style-type: none"> • Kesihatan • Keselamatan Awam • Perumahan Mampu Milik • Kehidupan Sihat • Perpaduan Nasional 	5
11.	Inklusiviti	<ul style="list-style-type: none"> • Kemakmuran Bersama • Bumiputera • Pembangunan Komuniti • Transformasi Bandar dan Luar Bandar 	4
12.	Reformasi Perkhidmatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Kecekapan Perkhidmatan Awam • Tadbir Urus yang Meluas • Kecemerlangan Kewangan Awam 	3
13.	Ekonomi Makro	<ul style="list-style-type: none"> • Fiskal • Produktiviti 	2